

BAB 12 – KELAB DAN PERSATUAN

1. Kelab Memanah Addeen memberikan maklumat berikut:

Bilangan ahli	150 orang
Yuran tahunan ahli	RM 50
Yuran tertunggak akhir	RM 250

Berapakah jumlah yuran yang akan direkod dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan.

2. Maklumat di bawah diperolehi daripada Kelab Renang Extra pada 31 Disember 2013.

	RM
Rumah Kelab	60 000
Perabot	10 000
Bank	30 000
Yuran Tertunggak	3 000
Yuran Terdahulu	4 500
Pemiutang	25 000

Hitungkan Dana Terkumpul bagi Kelab Renang Extra pada 31 Disember 2013.

3. Kelab Setem mendapat sambutan yang menggalakkan dengan pendaftaran ahli seramai 80 orang. Kutipan yuran adalah seperti berikut :

	RM
Yuran tahunan	20.00
Yuran pendaftaran	5.00

Hitungkan jumlah yuran yang perlu direkodkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

4. Berdasarkan maklumat berikut, kirakan yuran ahli:

	RM
Yuran tertunggak awal	600
Yuran tertunggak akhir	385
Yuran diterima pada tahun semasa	8 935

5. Nyatakan belanja bagi urusniaga di bawah sama ada "belanja modal" atau "belanja hasil"

Bil	Belanja	Jenis Belanja
i	Beli van untuk kegunaan perniagaan	
ii	Belanja penyelenggaraan van	

6. Berikut adalah petikan yang diambil daripada buku perakaunan Kelab Cinta Kasih.

	1 April 2012	31 Mac 2013
	RM	RM
Yuran tertunggak	-	400
Yuran terdahulu	200	-

Penerimaan dalam Buku Tunai (petikan)

Yuran ahli RM22 500

Anda dikehendaki menghitung nilai Yuran yang perlu dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

7. Perbelanjaan berikut berlaku dalam Persatuan Seniman Malaysia. Berikan contoh yang sesuai bagi komponen di bawah.

Komponen	Contoh
Perbelanjaan modal	
Perbelanjaan hasil	